

Kerajaan Pas Kedah Yakin Mampu Bayar Pinjaman Untuk Bina Kampus Induk Kuin Bernama
17 April , 2012

ALOR SETAR, 17 April (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah diberitahu kerajaan negeri bersedia membayar Bank Islam sebanyak RM44.8 juta selama 13 tahun bagi melunaskan pinjaman RM330 juta untuk membina kampus induk Kolej Universiti Insaniah (Kuin) di Kuala Ketil.

Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata kerajaan negeri mempunyai sumber dan mampu menjelaskannya mengikut jadual.

"Pinjaman yang dibuat dengan kerajaan persekutuan bagi membina Blok E Wisma Darul Aman (pusat pentadbiran negeri) akan selesai Disember ini. Selepas itu wang RM25 juta setahun yang digunakan bagi tujuan itu akan diguna pula untuk membayar Bank Islam.

"Saya yakin kita mampu dan baki hampir RM20 juta lagi akan diperoleh daripada sumber lain," kata Azizan pada sesi soal jawab Persidangan Dewan Undangan Negeri di sini Selasa.

Beliau menjawab soalan Md Zuki Yusof (PAS-Kuala Ketil) yang ingin mengetahui bagaimana cara kerajaan Kedah membayar balik hutang dan kos penyelenggaraan Kuin kerana banyak pihak meragui kemampuannya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659674>